

Umat Islam di Zaman Moden

Zaman moden adalah merupakan titik-titik perubahan cara berfikir umat Islam di dalam dunia ini secara kemas dan bernas. Umat Islam dalam situasi ini sentiasa menerima cabaran-cabaran terhadap agama dan mental. Segala cabaran-cabaran yang menusuk ke telinga umat Islam dapat dijawab dengan *complete*, andainya setiap pemuka-pemuka Islam di dunia ini berfikir secara ilmiah bersandarkan dengan **al-Qur'an** dan **al-hadith**. Ini satu jalan yang logik untuk menafikan segala tuduhan-tuduhan yang memburuk-burukkan terhadap agama Islam yang maha suci itu.

(Oleh: Shahrudin Dahari)

Islam Dipandang Tinggi:

Pemimpin-pemimpin Islam hendaklah memainkan peranan yang penting terhadap pembentukan masyarakat Islam yang harmoni dan realistik. Dalam aspek-aspek pentadbiran, peribadatan dan budi pekerti haruslah kemas dan teratur. Sebab kekukuhan penting untuk mencapai hasrat kita dalam meninggikan syiar Islam, tidak boleh diukur dari banyaknya bangunan masjid yang indah-indah dan tersergam dengan megah, tetapi setiap waktu sembahyang sering kali kosong dari manusia yang berjiwa Islam. Ini disebabkan keterlaluan memahami dasar Islam yang sebenarnya. Saya berpendapat bahawa hendaklah pemerintah di hari ini memberi bantuan yang sepenuhnya terhadap pengajian Islam di seluruh tanah air.

Taraf agama Islam di negara kita hendaklah dipandang tinggi serta meletakkannya ke tempat yang sesuai sebagai agama rasmi negara. Pengeliruan tidak perlu diwujudkan oleh pemerintah dalam menilai harga sijil pelajar-pelajar di sekolah-sekolah agama rakyat dan dari pusat-pusat pengajian tinggi Islam di negeri kita. Manakala nilai kelulusan agama itu diperkecil-kecilkan, nescaya mengakibatkan manusia-manusia yang jahil

dalam pengertian Islam muncul sebagai pemuka-pemuka Islam yang bersifat liar dan mengutamakan kepentingan diri perseorangan, sebaliknya tidak memperdulikan masyarakat di keliling mereka yang sentiasa hidup menderita. Islam adalah sunyi dari keangkuhan dan kebakhilan. Dari itu dianggap senteng oleh rakyat terhadap sikap setengah-setengah manusia sering kali berjalan di bumi Allah dengan mendabik dada. Mereka ini harus dihapuskan dari masyarakat.

Sebab-sebab Kegagalan

Segala inisiatif untuk meninggikan agama dan syiar Islam adalah separuh gagal di negara kita ini. Kegagalan yang tersebut berpunca dari dua faktor:

1. Kesilapan pemerintah membelanjakan wang negara.
2. Pemerintah terlalu banyak membangunkan balai-balai raya, membangunkan kelas-kelas dewasa dan adanya korupsi secara diam-diam.

Dengan pandangan dan pemikiran yang dangkal, pemerintah menyangka bahawa syiar Islam telah ditinggikan dengan adanya seruan-seruan, sekolah-sekolah agama yang

dibangunkan dari rancangan pembangunan luar bandar. Bantuan tidak perlu pada pembinaan-pembinaan yang berlebihan, tetapi dari segi materialnya tidak diberi dengan secukupnya. Apakah ini rakyat semua terdiri dari hartawan belaka? Tentu tidak. Dan apakah guru-guru rakyat ini malaikat? Kalau mereka malaikat tentu mereka tidak memerlukan makan minum dan pakaian!

Kita tidak mahu mendengar bahawa Islam tidak boleh mentadbirkan negara ini atas dasar Islamisme. Saya percaya Islam tetap berdiri dengan kuatnya di negara kita, seandainya semua rakyat yang beragama Islam berjalan atas dasar Islam yang bersendikan al-Qur'an dan al-sunnah.

Umat Islam tidak disuruh mengikut perkembangan zaman dengan meninggalkan dasar-dasar dan lunas-lunas yang sebenar. Di zaman moden ini tidak seharusnya pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi Islam mengeneipkan nilai kesucian dengan mendatangkan alasan-alasan yang cetek serta berlawanan dengan ajaran-ajaran agama Islam yang sebenarnya. Kita berharap dengan sepenuh hati agar satu cara penghapusan penyakit kronis yang menular ke jiwa sebahagian daripada pemuda dan pemudi Islam di negara kita ini

dapat ditukarkan kepada semangat cintakan agama Islam dan tidak melampaui batasan moral. Patut juga disebut bahawa akhlak yang luhur di zaman moden menjadi sendi ketinggian peradaban dan keharmonian.

Kecergasan diri dan mentaliti sesuatu yang belum diketahui, adalah asas kejayaan bagi umat Islam untuk mengendalikan kewajipan mereka terhadap Tuhan, diri dan masyarakat. Kita hendaklah memelihara diri dari terjerumus ke lembah kehinaan, memelihara diri dari putus harapan dalam menghadapi suatu cita-cita yang luhur. Putus harapan sangat merbahaya bagi kita dalam menghadapi kehidupan sehari-hari. Dan dengan putus asa boleh menghancurkan cita-cita seseorang. Umat Islam di zaman moden hendaklah bertimbang rasa dan insaf-menginsafi di antara satu dengan lain. Kita seharusnya mementingkan masyarakat dari individu.

Biasiswa-biasiswa Perlu:

Para hartawan hendaklah sentiasa membantu material terhadap pelajar-pelajar yang tak berkemampuan untuk meneruskan pelajaran mereka. Biasiswa-biasiswa untuk pelajar-pelajar Islam hendaklah diperbanyakkan persatuan-persatuan pelajar Islam di seluruh Malaysia khasnya hendaklah mengeluarkan biasiswa-biasiswa untuk pelajar-pelajar yang ingin meneruskan pelajarannya ke luar negeri. Biasiswa-biasiswa yang diberi janganlah digantung kerana disebabkan oleh sesuatu yang dianggap oleh

jabatan-jabatan agama Islam harus diberhentikan. Kalau beginilah keadaannya pelajar-pelajar Islam, sentiasa mengeluhlah mereka untuk meneruskan cita-cita mereka.

Hendaknya zaman moden tidak dijadikan zaman kebiadaban, zaman runtuhnya iman, tumbanganya semangat keislaman yang dibina pada zaman silam dan zaman lahirnya masyarakat yang hidup seperti haiwan di muka bumi ini.

Seharusnya kita memahami dasar Islam dengan mendalam dan terpencil, bukan mengenepikan dari berjejak di bumi yang nyata. Kesedaran dan keinsafan adalah perlu untuk menghadapi cabaran-cabaran zaman moden dengan cara-cara yang tepat. Penyelewengan dalam tindak-tanduk umat Islam setiap detik haruslah diarusi. Kerana penyelewengan moral hasil dari pengaruh keadaan yang tak kunjung padam sehingga akhir hayat.

Keruntuhan Moral:

Problem-problem keruntuhan moral merupakan satu masalah yang dihadapi oleh semua negara dalam dunia ini, tidak kira negara Barat atau Timur. Sungguhpun demikian prinsip-prinsip pendidikan akhlak perlu disemai ke jiwa setiap generasi muda. Kerana tanpa keluhuran moral itu merugikan bangsa, agama dan negara. Kesan-kesan keruntuhan ini akan sentiasa menyeksa jiwa generasi-generasi muda di masa-masa kebelakangan ini.

Umat Islam di masa akhir-akhir ini harus berjiwa tenteram dan seboleh-bolehnya mengamalkan segala sifat-sifat kepujian. Kemungkaran adalah perlu

disingkirkan. Kejujuran adalah adalah perlu dipraktikkan dalam mencari kebenaran kita di masa kebelakangan¹ ini hendaklah sering berada di sudut kenyataan, kerana ini adalah menunjukkan sikap yang tegas dalam menghadapi sesuatu tentangan mahu-pun sokongan.

Hidup Berpura-pura:

Zaman sekarang tidak seharusnya kita hidup berpura-pura. Kerana hidup berpura-pura itu tidak menguntungkan umat Islam di hari ini, malahan menjadi kerugian yang besar dalam menghadapi cabaran-cabaran zaman moden. Hidup berpura-pura dapat diperkotak-katikkan oleh musuh-musuh kita dengan sewenang-wenangnya tidak ada seseorang boleh mengetahui jiwa seseorang itu jika ia hidup menabirkan diri dengan kepura-puraan. Ini adalah melemahkan semangat jihad dan melambangkan sifat tidak simpatik terhadap masyarakat. Masyarakat tidak mempercayai kehidupan seorang yang kehidupan dalam dunia berpura-pura. Berpura-pura adalah racun yang digunakan seseorang untuk kepentingan perseorangan secara tidak halal. Selagi ada sifat-sifat ini di dalam masyarakat kita, kerjasama tidak dapat dijadiakan teras kesatuan-kesatuan dalam mempertahankan maruah bangsa dan negara.

Islam Menghormati Seni:

Pelajaran dalam berbagai bidang hendaklah dimiliki oleh semua pemuda-pemudi Islam. Dalam keadaan negara yang sedang dibanjiri oleh tarian-tarian *shake* dan agogo, perlu mengeratkan tatasusila di lubuk hati muda-mudi. Kita jangan

¹ Perkataan sebenar ialah kebelakangan.

bersikap ala pemuda-pemudi Beatle kebaratan, sehingga melanggar kesopanan sebagai insan yang bertuhankan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*. Sekarang kita telah leka dengan alunan-alunan suara penyanyi muda yang baru muncul seorang demi seorang dengan mendendangkan irama-irama rancak yang sentiasa menggil-gila bukan? Adakah ini bererti kita telah maju di lapangan seni suara atau kita telah berjaya menyadur diri dengan air emas lancongan yang diimport dari Barat?

Islam sentiasa menghormati seni, sama ada seni suara, seni lukis dan sebagainya. Tetapi perlu diingat bahawa agama Islam bukan seni dan bukan kebudayaan. Berkembangnya seni suara atau muzik di negara kita hari ini adalah merupakan kejayaan pemuda-pemudi dalam membentuk bakat-bakat baru. Tetapi sangat-sangat dikesali dalam keadaan sedemikian, ada gejala-gejala yang mahu menjunamkan keperibadian kita. Dari itu perlu kita mengontrol diri dari kelakuan-kelakuan sumbang yang membosankan mata memandang.

Sebagai seorang pendidik, tidak seharusnya ia menyekat kegemaran muda-mudi secara semborono dalam lapangan seni suara. Kerana sebagai sifat seorang remaja dia biasa memberontak jika naluri-naluri kemahuan-kemahuannya disekat-sekat sungguhpun demikian kita perlu mempunyai reaksi yang wajar kita lakukan ketika perlu. Di saat akhir-akhir ini pemuda remaja di seluruh ceruk rantau nusantara, kita dapati pemuda rumajanya² sangat

meminati lagu-lagu pop Melayu. Inilah imej di kalangan muda-mudi zaman moden di negara kita.

Maju di Bidang Pelajaran

Perlu disedari wahai pemuda-pemudi di Nusantara, bahawa kita belum berkemajuan di dalam bidang pelajaran. Dari itu ilmu pengetahuan lebih tinggi nilainya dari seni suara. Alangkah bertuahnya jika kita di hari ini, mendampingkan diri dengan al-Qur'ān dan al-hadīth serta berlumba-lumba mengkajinya sebagaimana berlumba-lumbanya kita menonton penyanyi-penyanyi pujaan yang baharu muncul itu. Mengkaji bahasa Arab dan sasteranya adalah suatu kesenian dalam mengetahui perkembangan-perkembangan Islam di medan sastera dan kebudayaan di zaman silam. Kita janganlah menganggap Islam ini tidak menghormati kebudayaan. Zaman a-gogo di negara kita ini janganlah melewati batasan dan lunas-lunas Islam. Jadikanlah kewajipan kita terhadap Tuhan itu tidak sewenang-wenangnya mengkesampingkan. Tidak seharusnya kita hidup hari ini sering kali diselimuti dengan lagu-lagu pop sehingga melalaikan kita dari menunaikan kewajipan-kewajipan terhadap bangsa, agama dan tanah air.

Yang lebih penting dalam zaman moden ini ialah berbakti kepada agama dengan sepenuh keikhlasan dan keihisanan. Selain dari itu kita sentiasa memperhambakan diri dalam pelajaran, sentiasa menuju ke matlamat kejayaan yang menggembirakan di masa depan.

*

*

*

sudah siap!

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah I

RUPA YANG

BUROK

*Di-padankan dari che-
rita2 Sejarah Islam.*

*Didek-lah jiwa kanak2
dengan menggalakkan
membacha buku2 se-
jarah ringkas Islam.*

*Di-jalin dengan baha-
sa yang mudah dan le-
kas di-fahami oleh
kanak2. Serta di-hiasi
dengan gambar2 lukisan
yang menarik.*

Sa-buah 40 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247 Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.

*

*

*

² Kini disebut sebagai remaja.